



## NOTIS

# **PENUTUPAN SEMENTARA PUSPAKOM JOHOR BAHRU & PENANGGUHAN PERKHIDMATAN BERGERAK DI JOHOR**

Pelanggan yang dihormati,

Sebagai langkah pengawalan dan pencegahan penularan wabak Covid-19, **PUSPAKOM Johor Bahru akan DITUTUP mulai 13 Disember 2020, Ahad sehingga satu tarikh yang dimaklumkan kelak.**

Sebagai alternatif, pelanggan boleh menjalani pemeriksaan secara walk-in di cawangan seperti berikut:

<b>Kategori Kenderaan</b>	<b>Cawangan Alternatif</b>
<b>Kenderaan Persendirian</b>	PUSPAKOM Senai PUSPAKOM Taman Daya
<b>Kenderaan Ringan (BDM &lt; 6,000 kg)</b>	PUSPAKOM Senai PUSPAKOM Kluang
<b>Kenderaan Berat (BDM &gt; 5,999 kg)</b>	PUSPAKOM Pasir Gudang PUSPAKOM Kluang

Proses sanitasi dan pembersihan secara menyeluruh akan dilakukan dicawangan berkenaan. Untuk makluman, semua bayaran temujanji yang telah dibuat akan dikembalikan secara automatik.

### **Penangguhan Perkhidmatan Van & Trak Bergerak (MVS & MTS)**

Semua pemeriksaan yang telah dijadualkan oleh MVS dan MTS daripada PUSPAKOM Johor Bahru akan dijadualkan semula oleh pihak PUSPAKOM Johor Bahru melalui panggilan telefon.

Sebarang maklumat terkini akan dimaklumkan kepada pelanggan dari semasa ke semasa.

Segala kesulitan amatlah kami kesali. Terima kasih.

